

09/07/2002

Dr Mahathir terus sokong Pak Lah selepas bersara

Muhd Yusuf Abu Bakar; Matzidi Dris

SANTUBONG, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau akan terus memberi sokongan padu kepada kepemimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi walaupun selepas bersara pada Oktober tahun depan.

Perdana Menteri berkata, sokongannya itu sebagai menghargai jasa Abdullah yang selama ini memberi sokongan tidak berbelah bahagi ketika beliau mengetuai kepemimpinan kerajaan dan parti.

"Saya akan memberi sokongan kepada Pak Lah untuk memimpin Umno dan kerajaan selepas bersara nanti, kerana sebelum ini dia memberi sokongan kepada saya...kini giliran saya pula memberi sokongan kepadanya," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Perhimpunan Agung Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) ke-10 di Santubong Resort di sini, hari ini.

Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan Timbalannya, Tan Sri Alfred Jabu anak Numpang, turut hadir pada majlis itu yang disertai lebih 1,200 perwakilan dari 62 bahagian PBB di seluruh negeri.

Dr Mahathir turut meminta penduduk Sarawak memberi sokongan kepada kepemimpinan Abdullah untuk mentadbir negara dengan baik.

"Saya yakin beliau mampu mentadbir negara ini dengan baik selepas saya bersara. Sehubungan itu, rakyat Sarawak perlu memberi sokongan kepada Pak Lah untuk menerajui kerajaan," katanya.

Beliau juga berkata, rakyat perlu terus menyokong Barisan Nasional (BN) untuk memerintah kerana gabungan parti itu berjaya memajukan negara.

"Kita perlu sokongan rakyat dan mempunyai kerajaan yang berani membuat keputusan. Untuk berjaya membangunkan negara, pemimpin kerajaan perlu berani dan kadang kala bertindak secara yang tidak disenangi rakyat.

"Kita tidak boleh lakukan sesuatu untuk popular saja...cukai perlu dikenakan, kalau tidak macam mana kerajaan berfungsi," katanya.

Perdana Menteri berkata, kejayaan yang dicapai Malaysia adalah hasil pengorbanan dan perjuangan pemimpin negara terdahulu.

"Allahyarham Datuk Onn Jaafar berjaya menyatupadukan orang Melayu melalui Umno, Almarhum Tengku Abdul Rahman berjaya merapatkan hubungan di antara kaum melalui Perikatan dan menjadikan penduduk di Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia.

"Semua ini dilakukan untuk menjadikan negara aman dan membolehkan pembangunan dilaksanakan dengan berjaya, seperti yang dilakukan Allahyarham Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn yang berusaha menghapuskan kemiskinan di luar bandar," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau hanya menyambung perjuangan yang dilakukan pemimpin terdahulu untuk memajukan negara.

"Kalau sebelum ini, Malaysia tidak dikenali, sekarang orang luar mula menghormati dan mengagumi negara," katanya.

Mengenai sumbangan PBB, Dr Mahathir berkata, parti yang menjadi tunjang pentadbiran Sarawak selama ini memberi sokongan tidak berbelah bahagi kepada BN Pusat.

"Sarawak perlu terus menjadi kubu kuat BN di Malaysia selepas berjaya mencapai kejayaan cemerlang dalam pilihan raya Parlimen dan negeri yang lalu," katanya.